

Headline	Pendeposit TH keluar wang kena tunggu 83 tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,925



Pendeposit TH keluar wang kena tunggu 83 tahun

Kuala Lumpur: Ada pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) yang sepatutnya menunaikan ibadah haji pada tahun depan, terpaksa menunggu giliran 83 tahun lagi untuk ke Tanah Suci kerana terpaksa membuat pendaftaran semula dengan agensi itu.

Tindakan ini disebabkan pendeposit terbabit mengeluarkan wang pendaftaran haji sebanyak RM1,300 daripada akaun mereka baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata pendeposit terbabit dikesan terpengaruh dengan fitnah pembangkang yang disebarluaskan menerusi laman sosial kononnya TH mengalami kerugian dan tidak mampu menampung perbelanjaan pendeposit menunaikan Rukun Islam itu.

“Minggu lalu, ada pendeposit yang mendapat giliran menunaikan haji tahun depan atau dua tahun lagi, mengeluarkan wang pendaftaran mereka.

Kena tunggu 83 tahun

“Apabila sedar kesilapan itu, mereka mendaftar

semula tetapi terpaksa menunggu giliran baharu untuk menunaikan haji 83 tahun lagi,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) di Dewan Rakyat, semalam mengenai kesan diterima TH susulan surat dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) kepada organisasi itu, yang diputar

belitkan sesetengah pihak.

Asyraf Wajdi berkata, penyebaran surat BNM melalui media menyebabkan TH dilemparkan berita tidak berasas dan andaian negatif pelbagai pihak sehingga pendeposit TH menjadi mangsa.

Mengulas tindakan TH menangani elemen fitnah, beliau berkata, pihaknya melakukan pelbagai cara termasuk memujuk pendeposit untuk meyakini kemampuan TH dalam pengurusan haji.

Menjawab soalan asal Irmohizam, Asyraf Wajdi berkata, TH mengekalkan bayaran haji RM9,980 untuk seorang jemaah pada tahun 2009 hingga kini.

Katanya, bagi musim haji ini, kos seorang jemaah sepatutnya RM18,890 dan perbezaan RM8,910 ditanggung TH.

Headline	Pendeposit TH keluar wang kena tunggu 83 tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,925



Minggu lalu, ada pendeposit yang mendapat giliran menunaikan haji tahun depan atau dua tahun lagi, mengeluarkan wang pendaftaran mereka”

**Asyraf Wajdi Dusuki,
Timbalan Menteri
di Jabatan Perdana
Menteri**